

# Malaysia dijangka nikmati kesan positif

**BH 23 JAN 2003**

MALAYSIA dijangka menikmati impak positif hasil daripada pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi jangka panjang yang akan dilaksanakan Amerika Syarikat, tahun depan.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, berkata pakej itu bukan saja menyumbang kepada pemulihan ekonomi dan meningkatkan keyakinan pengguna negara itu, malah berupaya memberi kesan positif pada peringkat global.

Pada 7 Januari lalu, Presiden George W Bush, mengumumkan pakej rangsangan ekonomi bernilai AS\$674 bilion untuk tempoh 10 tahun dalam usaha memulihkan ekonomi Amerika Syarikat.

Pakej itu bertujuan membantu menambah pendapatan pengguna menerusi penurunan cukai

pendapatan, penurunan cukai dividen yang dibayar pelabur, di samping mewujudkan peluang niaga serta kerja.

Shafie berkata, pakej rangsangan Amerika Syarikat mampu memberi manfaat besar kepada perkembangan ekonomi global khususnya pertumbuhan permintaan terhadap barangan keluaran Asia.

"Apabila perbelanjaan pengguna negara itu (Amerika Syarikat) meningkat, sudah tentu ia akan menyumbang kepada pengukuhan permintaan bagi pelbagai produk.

"Keadaan ini tentunya memberi kesan baik kepada kegiatan eksport dari rantau ini termasuk Malaysia yang mengeksport kira-kira 20 peratus barangan ke Amerika Syarikat," katanya.

Beliau berkata demikian sele-

pas menyaksikan majlis memeterai perjanjian antara PUC Founder (MSC) Bhd dan Yayasan Bekas Perajurit Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur, semalam.

Bagaimanapun, kesan limpahan daripada pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi Amerika Syarikat itu hanya akan dirasai di negara ini mulai tahun depan.

Mengenai pakej rangsangan ekonomi yang bakal dilaksanakan kerajaan tahun ini, Shafie berkata, ia bergantung kepada keperluan untuk berbuat demikian.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah menyuntik dana ke dalam ekonomi dan membelanjakan wang bagi projek jangka pendek mungkin diambil bagi meningkatkan aliran wang dalam negara.